



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PROGRAM KERJASAMA TEKNIKAL DALAM
BIDANG SAINS & TEKNOLOGI ANTARA
KERAJAAN MALAYSIA DENGAN
KERAJAAN JEPUN**

***SCIENCE AND TECHNOLOGY RESEARCH
PARTNERSHIP FOR SUSTAINABLE
DEVELOPMENT (SATREPS) FY2026***

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN
PENYELIDIK MALAYSIA**

**URUS SETIA MYPAIR
BAHAGIAN KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
ARAS 7, NO. 2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62000 PUTRAJAYA
No. Tel. : 03-8870 6969**

SENARAI KANDUNGAN

BAHAGIAN 1 PENGENALAN	3
1.1 PENDAHULUAN	3
1.2 MATLAMAT	3
1.3 TUJUAN	3
BAHAGIAN 2 PERMOHONAN	4
2.1 SYARAT AM PERMOHONAN	4
2.1.2 Kriteria Ketua Program	4
2.1.3 Kriteria Ketua Projek (sekiranya ada)	4
2.2 BIDANG PENYELIDIKAN	6
2.3 TEMPOH PENYELIDIKAN	6
2.4 SILING PERUNTUKAN	6
2.5 HASIL PENYELIDIKAN	6
2.5.1 Bakat	6
2.5.2 Penerbitan	6
2.5.3 Harta Intelek	7
2.5.4 Hasil Pengkomersialan	7
2.5.5 Serahan Hasil Penyelidikan (<i>Research Deliverables</i>)	7
2.6 PERATURAN PERMOHONAN	8
BAHAGIAN 3 PENILAIAN	10
3.1 PENILAIAN	10
3.1.1 Penilaian Permohonan Peringkat Universiti (Penilaian Dalaman)	10
3.1.2 Penilaian Permohonan Peringkat JPT, KPT	10
3.2 KRITERIA PENILAIAN	11
BAHAGIAN 4 PERATURAN KEWANGAN	12
4.1 KOD PERBELANJAAN	12
4.1.1 Vot 11000 – Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (<i>Graduate Research Assistant - GRA</i>)	12
4.1.2 Vot 21000 – Perjalanan dan Pengangkutan	12
4.1.4 Vot 24000 – Sewaan	13
4.1.5 Vot 27000 – Bekalan dan Bahan Penyelidikan	13
4.1.6 Vot 28000 – Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai	13
4.1.7 Vot 29000 – Perkhidmatan Ikhtisas	14
4.1.8 Vot 35000 – Aksesori dan Peralatan	14
4.2 PENGUNAAN PERUNTUKAN	15

BAHAGIAN 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Dokumen Garis Panduan program kerjasama teknikal dalam bidang sains dan teknologi - *Science and Technology Research Partnership for Sustainable Development* (SATREPS) disediakan sebagai rujukan dan panduan bagi permohonan geran penyelidikan di bawah Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Garis Panduan ini perlulah dirujuk bersekali dengan Dokumen Tadbir Urus Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi.

1.2 MATLAMAT

Program SATREPS dilaksanakan dengan matlamat untuk mewujudkan platform kerjasama antarabangsa di antara Jepun dan negara-negara membangun bagi menangani isu global dalam bidang-bidang yang ditetapkan.

1.3 TUJUAN

- (a) Meningkatkan kerjasama antarabangsa dalam Sains & Teknologi (S&T)
 - Membina hubungan menang-menang antara Jepun dan negara membangun.
- (b) Menangani isu global dan memajukan Sains & Teknologi (S&T)
 - Menangani isu global dan memajukan sains.
- (c) Pembangunan kapasiti
 - Meningkatkan kapasiti R&D dan sistem penyelidikan mampan, melatih sumber manusia dan menyelaraskan rangkaian antara penyelidik.

BAHAGIAN 2

PERMOHONAN

Pihak JPT, KPT akan memaklumkan pembukaan tarikh permohonan geran SATREPS melalui surat rasmi kepada Universiti Awam. Pihak Universiti perlu membuat hebahan pembukaan permohonan dan melaksanakan penilaian permohonan mengikut ketetapan JPT, KPT. Carta alir bagi proses permohonan adalah seperti di **Rajah 1**.

2.1 SYARAT AM PERMOHONAN

Geran ini **terbuka kepada kakitangan akademik di Universiti Awam** dengan syarat-syarat berikut:-

2.1.1 Ketua Program hendaklah warganegara Malaysia.

2.1.2 Kriteria Ketua Program

2.1.2.1 Kakitangan akademik (Profesor, Profesor Madya, atau Pensyarah Kanan) bertaraf tetap/kontrak dengan kelayakan yang bersesuaian dan mengetuai salah satu projek dalam program tersebut.

2.1.2.2 Mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama dan dari Institusi yang sama sebagai Ketua Projek Seterusnya (*Next Appointed Leader*).

2.1.3 Kriteria Ketua Projek (sekiranya ada)

2.1.3.1 Kakitangan akademik (Profesor, Profesor Madya, atau Pensyarah Kanan) bertaraf tetap/kontrak dengan kelayakan yang bersesuaian bagi mengetuai projek.

2.1.3.2 Ketua Projek (kakitangan akademik bertaraf tetap/kontrak) dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama dan dari Universiti yang sama.

- 2.1.3.3 Sekiranya, Ketua Projek (kakitangan akademik) bukan warganegara, dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama dan dari Universiti yang sama.
- 2.1.4 Program ini mestilah bersifat antara disiplin (*interdisciplinary*).
- 2.1.5 Pemohon digalakkan untuk berkolaborasi dengan penyelidik di Universiti lain dan pihak Industri/Agensi yang berkaitan bagi melaksanakan penyelidikan tersebut (bukti kolaborasi adalah sekurang-kurangnya surat niat (*letter of intent*) dan lain-lain dokumen yang berkaitan).
- 2.1.6 Bilangan maksimum sub-projek (sekiranya ada) adalah **5 sub-projek** bagi setiap permohonan.
- 2.1.7 Kakitangan akademik yang bercuti belajar dan bercuti sabatikal (dalam dan luar negara melebihi tempoh 6 bulan) tidak dibenarkan menjadi Ketua Program/Projek. Walaubagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan.
- 2.1.8 Kakitangan akademik yang merancang untuk mengambil cuti belajar/cuti sabatikal/cuti tanpa gaji/sangkutan industri/dipinjamkan atau berpindah ke organisasi lain tidak digalakkan untuk memohon sebagai Ketua Program/Projek.
- 2.1.9 Tempoh perkhidmatan Ketua Program mestilah berbaki sekurang-kurangnya dua (2) tahun di Universiti masing-masing mulai daripada tarikh tutup permohonan geran SATREPS.
- 2.1.10 Pemohon dimestikan untuk mengemukakan bukti carian paten (*patent search*) bagi setiap permohonan.
- 2.1.11 Pemohon dimestikan untuk mengenalpasti dan mengemukakan perancangan terhadap pengurusan risiko (*risk management*) bagi setiap permohonan projek.
- 2.1.12 Kelulusan yang diperlukan daripada badan-badan berkaitan (seperti Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia/Haiwan – sekiranya berkaitan) perlu disertakan bersama laporan kemajuan pertama.
- 2.1.13 Semua artikel dan data penting penyelidikan yang diterbitkan dan tidak diterbitkan perlu diserahkan kepada JPT, KPT.

2.2 BIDANG PENYELIDIKAN

Setiap permohonan hendaklah berdasarkan domain penyelidikan seperti berikut:

- (a) Alam Sekitar dan Tenaga (*Environment and Energy*);
- (b) Sumber-bio (*Bioresources*);
- (c) Pencegahan & Mitigasi Bencana (*Disaster Prevention and Mitigation*); dan
- (d) Kawalan Penyakit Berjangkit (*Infectious Diseases Control*).

2.3 TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh penyelidikan adalah di antara **tiga (3) hingga lima (5) tahun**.

2.4 SILING PERUNTUKAN

Jumlah peruntukan yang dipohon bagi keseluruhan program hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan iaitu **RM5,000,000.00**.

2.5 HASIL PENYELIDIKAN

2.5.1 Bakat

Program SATREPS disyaratkan untuk menghasilkan pelajar pascasiswazah (PhD atau Sarjana) mod penyelidikan sepenuh masa yang berpadanan dengan skop penyelidikan.

2.5.2 Penerbitan

2.5.2.1 Setiap program mesti menghasilkan penerbitan dalam jurnal terindeks. Bilangan penerbitan mestilah berpadanan dengan skop penyelidikan.

2.5.2.2 Sebahagian penerbitan mestilah diterbitkan dalam jurnal terindeks Q1/Q2 WOS. Bagi artikel berbentuk sorotan literatur (*review article*) tidak boleh melebihi 20% daripada semua jumlah penerbitan di bawah sesuatu program.

- 2.5.2.3 Penghargaan kepada geran SATREPS mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan. Perincian lanjut adalah di dalam Dokumen Tadbir Urus Dana Penyelidikan KPT.

2.5.3 Harta Intelek

- 2.5.3.1 Setiap program SATREPS perlu menghasilkan harta intelek yang berpadanan dengan skop penyelidikan. Penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran Harta Intelek di dalam negara terlebih dahulu sebelum ke peringkat antarabangsa. Harta Intelek yang dihasilkan daripada geran SATREPS menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan Universiti berkenaan.
- 2.5.3.2 Pengurusan harta intelek adalah menjadi tanggungjawab Universiti berkenaan (tertakluk kepada klausa kontrak).

2.5.4 Hasil Pengkomersialan

- 2.5.4.1 Hasil pengkomersialan dari projek penyelidikan yang dibiayai oleh SATREPS dan sumber lain hendaklah dikongsi bersama mengikut pecahan pembiayaan geran dan sumbangan dalam bentuk lain bagi projek tersebut.
- 2.5.4.2 Hasil pengkomersialan perlulah diagihkan mengikut Polisi Pengkomersialan sedia ada.

2.5.5 Serahan Hasil Penyelidikan (*Research Deliverables*)

Penyelidikan yang dilaksanakan perlu menghasilkan serahan hasil penyelidikan (*research deliverables*) yang berpotensi untuk diterjemahkan dan dimanfaatkan dengan berpanduan kepada *call for proposals* yang telah ditetapkan oleh JPT, KPT dan JICA/JST/AMED, Jepun.

2.6 PERATURAN PERMOHONAN

- 2.6.1 Maklumat lanjut mengenai SATREPS (tempoh, peruntukan dan lain-lain maklumat berkaitan) boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang di alamat: <https://www.jst.go.jp/global/english/koubo/index.html> ;
- 2.6.2 Permohonan adalah dengan menggunakan borang sepertimana format *Japan's Technical Cooperation* seperti di **Lampiran A**. Pemohon juga dipohon untuk melengkapkan dan mengemukakan **MOHE Cost Proforma** seperti di **Lampiran B**. Cost Proforma ini merupakan perincian peruntukan yang dipohon oleh penyelidik Malaysia daripada KPT;
- 2.6.3 Kakitangan akademik (aktif) di Universiti Awam perlu mengenal pasti rakan kerjasama (*counterpart*) di Jepun. Rakan kerjasama Jepun juga perlu mengemukakan permohonan dalam bidang kerjasama yang sama kepada *Japan Science and Technology Agency* (JST) di bawah *Ministry of Education, Culture, Sports, Science and Technology* (MEXT) Jepun di Tokyo. Rakan kerjasama bagi cadangan penyelidikan dalam bidang *Infectious Diseases Control* perlu mengemukakan permohonan kepada *Japan Agency for Medical Research and Development* (AMED);
- 2.6.4 Pihak Universiti dipohon untuk membuat saringan di peringkat institusi bagi mengenal pasti projek yang berpotensi sebelum dikemukakan kepada urus setia. Ulasan penilaian di peringkat universiti perlu dikemukakan bersama kepada urus setia untuk rekod;
- 2.6.5 Semua permohonan hendaklah diperaku oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) di Universiti masing-masing;
- 2.6.6 Hanya permohonan lengkap dan menepati format permohonan yang dihantar kepada Kementerian melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan akan diperaku untuk penilaian seterusnya;
- 2.6.7 Siling peruntukan adalah **RM5 juta**. Penyelidik Malaysia adalah dimohon untuk berbincang dengan penyelidik Jepun bagi memastikan nisbah permohonan peruntukan adalah dipersetujui bersama supaya mempunyai peluang tinggi untuk diperaku setelah dipanjangkan bagi penilaian di peringkat Jepun;

- 2.6.8 Ketua Projek adalah diwajibkan hadir ke sesi pembentangan ini untuk membentangkan cadangan permohonan kepada Jawatankuasa Penilaian yang dilantik oleh Jabatan. Pembentangan permohonan tidak boleh diwakilkan kepada ahli projek lain. Ketua projek dipohon untuk mengambil maklum akan format pembentangan seperti di **Lampiran E**;
- 2.6.9 Salinan lembut slaid pembentangan perlu dihantar bersekali dengan borang permohonan mengikut tarikh yang ditetapkan. Jadual pembentangan hanya akan dimuktamadkan selepas kesemua permohonan selesai disemak oleh urus setia SATREPS;
- 2.6.10 Setiap pemohon dibenarkan untuk **mengemukakan hanya satu permohonan projek sahaja** pada setiap fasa. Permohonan perlu dikemukakan **sebelum atau pada 28 Ogos 2024 (Khamis)** melalui e-mel urus setia MyPAiR (**danakhas.bkpi@mohe.gov.my**) dan serahan salinan fizikal ke alamat berikut:

Pengarah
Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT (BKPI)
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 7, No.2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 Putrajaya
No. Tel: 03-8870 6969
E-mel : danakhas.bkpi@mohe.gov.my ;

- 2.6.11 Penilaian dijalankan oleh Panel Penilai yang dilantik oleh JPT, KPT di peringkat Malaysia. Keputusan penilaian adalah muktamad; dan
- 2.6.12 Bagi projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran SATREPS dan sumber lain, penyelidik mestilah mengisytiharkan semua pembiayaan yang diperolehi bagi projek tersebut.

BAHAGIAN 3

PENILAIAN

3.1 PENILAIAN

3.1.1 Penilaian Permohonan Peringkat Universiti (Penilaian Dalaman)

- 3.1.1.1 Penilaian kertas cadangan penyelidikan bagi permohonan program SATREPS hendaklah dilaksanakan di peringkat Universiti;
- 3.1.1.2 Pihak Universiti perlu melantik Ahli Jawatankuasa Penilaian (Penilai Dalaman);
- 3.1.1.3 Penilai perlu meneliti permohonan yang dikemukakan mengikut kriteria penilaian yang ditetapkan; dan
- 3.1.1.4 Perakuan RMC perlulah berdasarkan syor dan perakuan panel penilai dalaman yang dilantik di peringkat Universiti.

3.1.2 Penilaian Permohonan Peringkat JPT, KPT

- 3.1.2.1 Penilaian kertas cadangan penyelidikan bagi permohonan program SATREPS akan dilaksanakan di peringkat JPT, KPT;
- 3.1.2.2 Setiap permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian mengikut bidang-bidang yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam bidang masing-masing;
- 3.1.2.3 Jawatankuasa Penilaian akan memperakukan permohonan program yang telah dinilai kepada Kementerian Ekonomi dan seterusnya kepada Kerajaan Jepun; dan
- 3.1.2.4 Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain Garis Panduan JPT, KPT.

3.1.3 Penilaian Permohonan Peringkat Jepun

- 3.1.3.1 Proses penilaian permohonan akan dilaksanakan sekiranya terdapat permohonan yang sama dari kedua belah pihak (penyelidik Malaysia & Jepun); dan
- 3.1.3.2 Perincian selanjutnya seperti yang dinyatakan dalam dokumen *Needs Survey Guidance for Science and Technology Research Partnership for Sustainable Development (SATREPS)*.

3.2 KRITERIA PENILAIAN

- 3.2.1 Cadangan penyelidikan yang akan dilaksanakan seharusnya menghasilkan perkara-perkara seperti berikut:
 - 3.2.1.1 Penyelidikan yang dapat menghasilkan suatu idea/teori/konsep/kaedah/model/proses baharu; dan
 - 3.2.1.2 Penyelidikan yang dapat menambahbaik sesuatu polisi, metodologi dan model penyelesaian yang sedia ada; atau
 - 3.2.1.3 Penyelidikan yang merangkumi isu-isu kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan dalam negara dan sejagat; atau
 - 3.2.1.4 Penyelidikan yang berpotensi untuk menyumbang kepada agenda strategik negara.
- 3.2.2 Penilaian permohonan geran SATREPS mestilah memenuhi kriteria penilaian yang ditetapkan seperti berikut:
 - 3.2.2.1 Merit Saintifik (*Scientific Merit*);
 - 3.2.2.2 Impak Projek (*Project Impact*);
 - 3.2.2.3 Kecekapan Kumpulan Penyelidik (*Competency of Research Team*);
 - 3.2.2.4 Kerjasama yang mempunyai Nilai Tambah (*Added Value through co-operation*); dan
 - 3.2.2.5 Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi (*Research and Innovation Ecosystem*).

BAHAGIAN 4

PERATURAN KEWANGAN

4.1 KOD PERBELANJAAN

Peruntukan bagi geran SATREPS adalah dibenarkan untuk apa-apa pembelian, pembayaran atau perolehan yang memenuhi kod perbelanjaan berikut:

4.1.1 **Vot 11000 – Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (*Graduate Research Assistant - GRA*)**

Elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (*Graduate Research Assistant - GRA*) mod penyelidikan sepenuh masa. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2,800.00 untuk pelajar PhD dan RM2,300.00 untuk pelajar Sarjana.

4.1.2 **Vot 21000 – Perjalanan dan Pengangkutan**

4.1.2.1 Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.

4.1.2.2 Perjalanan ke luar negara (berdasarkan kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian) perlu memenuhi kriteria di bawah:-

- (a) Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Hanya Ketua Penyelidik dan ahli sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu penyelidik siswazah dibenarkan untuk sangkutan bagi tujuan yang berkaitan langsung dengan penyelidikan di Jepun selama 6 bulan.
- (b) Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan untuk kerja-kerja lapangan dan menghadiri persidangan/seminar/bengkel/program sangkutan yang berkaitan dengan projek.

- (c) Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.
- (d) Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan Universiti masing-masing.
- (a) Untuk menghadiri persidangan dan lain-lain aktiviti selain kerja lapangan, sebanyak 20% daripada keseluruhan geran.

4.1.2.3 Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan dan pengangkutan tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

4.1.4 **Vot 24000 – Sewaan**

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan, dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan. Setiap cadangan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan.

4.1.5 **Vot 27000 – Bekalan dan Bahan Penyelidikan**

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan. Setiap cadangan pembelian bekalan/bahan penyelidikan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan.

4.1.6 **Vot 28000 – Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai**

- 4.1.6.1 Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.
- 4.1.6.2 Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai, kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.

4.1.7 Vot 29000 – Perkhidmatan Ikhtisas

- 4.1.7.1 Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk yuran persidangan, percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

4.1.8 Vot 35000 – Aksesori dan Peralatan

- 4.1.8.1 Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan; dan
- 4.1.8.2 Jumlah yang dipohon bagi vot ini pula tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.
- 4.1.8.3 Pembelian peralatan IT dan komunikasi (komputer riba, komputer meja, telefon dll.) tidak dibenarkan.
- 4.1.8.4 Di bawah SATREPS, JICA akan membiayai pembelian peralatan besar atau berteknologi tinggi (contoh: peralatan makmal, sensor lapangan, alat diagnostik dan lain-lain) tertakluk kepada keperluan projek dan kelulusan JICA.
- 4.1.8.5 Penyelidik digalakkan untuk hanya memohon peralatan kecil atau penting sahaja melalui peruntukan MOHE di bawah vot ini. Sila selaraskan permohonan dan kemukakan justifikasi untuk peralatan yang tidak ditanggung oleh JICA. Mohon berbincang bersama rakan kolaborasi Jepun.

4.2 PENGGUNAAN PERUNTUKAN

4.2.1 Penyelidik tidak dibenarkan untuk menggunakan peruntukan geran bagi membuat pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan. Pembelian yang tidak dibenarkan adalah seperti berikut:

- 4.2.1.1 Pembayaran sebarang bentuk yuran keahlian badan profesional/badan ikhtisas dan seumpamanya;
- 4.2.1.2 Pembelian bahan rujukan dan seumpamanya;
- 4.2.1.3 Pembelian peralatan ICT dan komunikasi (seperti telefon bimbit/komputer riba/mesin pencetak/katrij dan seumpamanya);
- 4.2.1.4 Pembayaran bil utiliti/telekomunikasi;
- 4.2.1.5 Pembelian peralatan pejabat (seperti alat tulis/kertas/meja/kerusi dan seumpamanya);
- 4.2.1.6 Pembelian peralatan storan (seperti external hardisk/pendrive/CD dan seumpamanya);
- 4.2.1.7 Pembayaran sewaan ruang/fasiliti di Institusi masing-masing;
- 4.2.1.8 Pameran atau pertandingan inovasi;
- 4.2.1.9 Pembayaran pemfailan harta intelek dan seumpamanya; dan
- 4.2.1.10 Lain-lain pembelian yang tidak berkaitan secara langsung dengan projek penyelidikan.

4.2.2 Penggunaan peruntukan geran bagi caj pengurusan/pentadbiran adalah tidak dibenarkan.